

Headline	Pakej abang Singa		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	1,4	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	526 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,125
Frequency	Daily	PR Value	RM 45,375



# 'Isteri hinggap' diumpun kemewahan

# Pakej abang 'Singa'

> Kemaruk ingin hidup mewah menyebabkan segelintir wanita tempatan sanggup menggadai maruah melalui 'pakej abang Singapura' ditawarkan pelancong lelaki negara berkenaan yang bersedia memenuhi apa saja permintaan gundik hujung minggu mereka, termasuk menyediakan rumah dan kereta selain elaun ribuan ringgit setiap bulan, lapor Mary Victoria Dass dan Mahaizura Ab Malik muka 4

**DEDAH...**  
Rita berkongsi pengalamannya menjadi wanita simpanan lelaki Singapura.

# Bini hujung minggu

Wanita mahu mewah gadai maruah melalui 'pakej abang Singapura'

>>Oleh Mary Victoria Dass dan Mahaizura Ab Malik  
am@hmetro.com.my

**J**OHOR BAHRU: Kemaruk ingin hidup mewah menyebabkan segelintir wanita tempatan menggadai maruah melalui 'pakej abang Singapura' ditawarkan pelancong lelaki negara berkenaan yang bersedia memenuhi apa saja permintaan 'gundik' mereka termasuk menyediakan rumah dan kereta selain elaun ribuan ringgit setiap bulan.

Kewujudan pakej maksiat itu didedahkan bekas kerani dikenali sebagai Rita, 28, hasil pengalamannya mendapatkan wang secara mudah

Headline	Pakej abang Singa		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	1,4	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	526 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,125
Frequency	Daily	PR Value	RM 45,375

dengan menjadi teman termasuk menyerahkan tubuh kepada lelaki hidung belang dari republik berkenaan setiap kali mereka berkunjung ke sini, terutama pada hujung minggu.

Rita mendakwa pembabitannya dalam kegiatan itu bermula daripada perkenalan dengan seorang lelaki dari Singapura menerusi laman web sosial yang dikenali sebagai Sam yang juga kontraktor.

Menurutnya, pada awalnya dia menganggap Sam rakan biasa, namun hubungan mereka semakin rapat hingga pada satu hari lelaki itu menawarkan pakej untuk dia memperoleh wang dengan mudah dan hidup mewah.

"Sam yang sudah berkeluarga menyatakan dia mencari teman kerana kesunyian setiap kali berurusan di bandar raya ini pada setiap hujung minggu.

"Katanya, jika saya sanggup menjadi temannya termasuk melayannya hingga ke ranjang, dia akan menyediakan apa saja yang saya nak ter-

masuk menyara hidup saya.

"Pada awalnya, saya menolak namun memandangkan saya menghadapi masalah kewangan selepas digantung tidak bertali sejak

dua tahun lalu selain berpendapatan RM1,000 sebulan, saya bersetuju," katanya.

Rita berkata, selepas menjadi perempuan simpanan Sam, dia menghantar kedua-dua anaknya berusia lapan dan 10 tahun ke rumah ibu mentuanya di Melaka bagi membolehkannya memberi perhatian sepenuhnya kepada lelaki itu setiap kali datang ke sini.

Menurutnya, sejak menjalin hubungan dengan Sam awal tahun lalu, kehidupannya berubah selepas lelaki terbabit menyediakan kereta, membayar sewa rumah selain menampung perbelanjaannya sehingga lebih RM3,000 sebulan.

"Apa saja saya minta pasti dapat sama ada pakaian mahu pun beg berjenama dengan syarat saya sedia melayan naf-

sunya dan menghiburkannya termasuk ke pusat karaoke serta ke pesta arak bersama rakan-rakannya.

"Malah, Sam juga menyuruh saya berpindah dari rumah pangsa ke kondominium supaya kami lebih 'privasi' dan segala perbelanjaan dia yang tanggung," katanya.

Bagaimanapun, kata Rita, kemewahan dikecapinya itu tidak berkekalan apabila dia disahkan menghidap HIV pada pertengahan tahun ini dan dia percaya dijangkiti virus itu daripada suaminya yang menagih dadah.

"Selepas tahu saya ada HIV, Sam memutuskan hubungan dan dia memberi alasan sudah memiliki teman baru yang lebih muda. Akibatnya, saya kehilangan segala-galanya.

"Pernah beberapa minggu selepas ditinggalkan Sam, saya kebuluran sehingga menagih simpati rakan untuk membeli makanan," katanya.

Rita berkata, dia kini insaf dan reda menerima takdir Allah ke atasnya serta akur ia

mungkin balasan Allah ke atasnya yang menjalani kehidupan penuh dosa semata-mata ingin mengecapi kehidupan mewah.

"Kini saya menunggu ajal dan berharap kisah hidup saya ini menjadi pengajaran kepada wanita lain," katanya yang ditemui ketika mengadu masalahnya kepada Pengurus Rumah Sinar Sofia, Ari Rahayu Rahmat di sini, semalam.

Sementara itu, Ari Rahayu berkata, ketika ini, Rita mendapat perlindungan di rumah rakannya.

"Kami menasihati Rita supaya lebih tabah menghadapi dugaan dan ahli keluarganya juga seharusnya memberikan sokongan moral bagi membolehkannya meneruskan kehidupannya," katanya.



**BERLINDUNG...**Rita berkongsi kisah kehidupannya bersama Rahayu (kiri) di Rumah Sinar Sofia.